A

TANG HAK JU

lwn.

KETUA MENTERI NEGERI PULAU PINANG & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ABDUL HALIM AMAN H
[PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 25-103-2008]
19 FEBRUARI 2009

C

PROSEDUR SIVIL: *Prosiding kerajaan - Mandamus, permohonan untuk - Sijil di bawah s. 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956 - Kerajaan Negeri diperintahkan membayar bayaran gantirugi penghakiman terhadap plaintif - Perintah taksiran gantirugi dalam tahap rayuan - Sama ada sijil telah dikeluarkan pra-masa - Sama ada rayuan mesti ditentukan terlebih*

D

dahulu - Sama ada perintah mandamus tidak boleh dikeluarkan selagi kedudukan rayuan belum ditentukan - Sama ada amaun dalam sijil didepositkan ke mahkamah sementara menunggu pelupusan rayuan - Akta Prosiding Kerajaan 1956, s. 33

E

Plaintif dalam kes ini telah memperolehi penghakiman gantirugi terhadap Pengarah Tanah dan Galian, Pulau Pinang. Lanjutan dari itu, melalui proses taksiran gantirugi yang dilangsungkan di hadapan Timbalan Pendaftar ('TP') pada 21 September 2007, gantirugi sejumlah RM29,356,271 telah ditaksirkan dan diawardkan kepada

F

plaintif untuk dibayar oleh defendan-defendan. Perintah taksiran TP itu telah dirayui dan ditetapkan pendengarannya pada tarikh 23 April 2009. Di samping itu, suatu permohonan untuk "stay of execution" terhadap keputusan TP itu telah ditolak. Suatu rayuan juga telah difailkan terhadap penolakan tersebut. Plaintif berhujah bahawa

G

tuntutan mereka kepada pihak kerajaan negeri terhadap jumlah bayaran tersebut telah tidak diendahkan. Lantas sijil di bawah s. 33(3) Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('Akta') dipohon dan dikeluarkan. Amaun yang diperintah perlu dibayar mengikut sijil tersebut ialah separuh RM29,356,271 iaitu RM14,678,135.50,

H

sementara menunggu pelupusan rayuan terhadap isu kuantum taksiran TP. Sijil tersebut telah pun diserahkan kepada defendan-defendan. Plaintif sekarang memohon untuk mendapatkan suatu perintah *mandamus* terhadap defendan-defendan.

I

Diputuskan (menolak permohonan plaintif):

(1) Kedudukan undang-undang pengeluaran sesuatu perintah *mandamus* adalah jelas. Setelah segala pra-syarat prosedur sebelumnya dipatuhi, sesuatu pihak yang dimandamuskan itu dikehendaki perlu mematuhi apa jua tuntutan yang terakru seperti perintah yang dizahirkan melalui sijil yang dikeluarkan di bawah s. 33(3) Akta itu. Kesannya memang benar berbentuk mandatori dan tiada kuasa budi bicara diberikan. Namun jika diteliti kepada kesan dari pengeluaran sesuatu perintah *mandamus* itu, serta jika diteliti kepada peruntukan statut juga, dapat dilihat niat Parlimen bahawa perintah *mandamus* hanyalah terpakai dan wajar diaplikasikan di dalam keadaan di mana sesuatu perkara itu telah menjadi sesuatu "finality". "Finality" ini bermaksud segala "avenue" perundangan untuk setiap tahap prosiding kes telah dilalui dan di "exhaust" dengan sepenuhnya. Di dalam kes sebegini, maksudnya segala tahap rayuan, baik di peringkat mana sekalipun, rayuannya telah didengar dan diputuskan dengan sepenuhnya. Adalah tidak menepati hasrat penggubal undang-undang untuk sesuatu perintah *mandamus* itu dikeluarkan di peringkat atau di tahap sesuatu kes itu yang masih belum dimuktamadkan lagi. Dari segi "rationale", keputusan yang dicapai di tahap itu yang masih membolehkannya dirayu, masih belum muktamad. (perenggan 7)

(2) Keputusan di peringkat rayuan mungkin mengubah sesuatu keputusan yang dicapai di peringkat awal. Pengeluaran sijil bertarikh 21 September 2007 itu adalah sesuatu yang berbentuk pra-matang. Amaun yang tercatat di dalam sijil tersebut, walaupun ianya merupakan bayaran sebahagian dari award sebenar, bukanlah merupakan suatu amaun yang mutlak. Ianya mungkin bertambah atau berkurang. Mungkin juga terdapat lain-lain perintah lanjut diberikan. Ianya masih boleh dipertikaikan lagi dan terserah kepada mahkamah yang mendengar rayuan itu kelak untuk menimbangkannya. (perenggan 7)

(3) Rayuan terhadap taksiran TP itu telah ditetapkan untuk pendengaran pada 24 April 2009. Sewajarnya sijil di bawah s. 33(3) Akta dipohon setelah rayuan tersebut dilupuskan. Eloklah kedudukan rayuan ditentukan terlebih dahulu. (perenggan 7)

(4) Apa yang dipertikaikan di dalam kes ini ialah kuantum taksiran sahaja. Isu liabiliti tidak berbangkit lagi. Demi keadilan semua pihak, amaun RM14,678,135.50 tersebut sewajarnya didepositkan ke mahkamah ini sementara menunggu pelupusan rayuan itu kelak. Setidak-tidaknya melalui pendepositan jumlah tersebut, dapatlah memberikan sesuatu keyakinan kepada plaintif akan pengharapan penerimaan bayaran gantirugi itu kelak, di atas amaun apa sekalipun. Lagipun jumlah yang diawardkan dibayar mengikut sijil tersebut hanyalah merupakan separuh dari bayaran sebenar. Sebarang bayaran penambahan, jika ada, ataupun bayaran berbaki seandainya wujud selepas penentuan rayuan itu kelak, boleh dilakukan berdasar kepada amaun yang telah didepositkan itu. (perenggan 8)

[Pihak defendan diberikan tempoh masa dua bulan dari tarikh hari pendengaran ini untuk mendepositkan amaun RM14,678,135.50 ke mahkamah ini.]

Kes-kes yang dirujuk:

Ali Tan Sri Abdul Kadir & Ors v. Simpang Empat Plantation Sdn Bhd [2008] 5 CLJ 305 FC ***(dirujuk)***

Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd [2003] 4 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Minister of Finance, Government of Sabah v. Petrojasa Sdn Bhd [2008] 5 CLJ 321 FC ***(dirujuk)***

SV Beverages Holdings Sdn Bhd & Ors v. Kickapoo (Malaysia) Sdn Bhd [2008] 4 CLJ 20 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 25(2)
Federal Constitution, art. 13
Government Proceedings Act 1956, s. 33(3)

Bagi pihak plaintif - Wong Yee Chue; T/n Lim Kean Siew & Co
Bagi pihak defendan - Mohd Ghazali Mohamad Taib (Ruzaimah Mohd Ridzuan bersamanya); Penasihat Undang-Undang, Pulau Pinang

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Abdul Halim Aman H:

[1] Permohonan yang terdapat di kandungan (7) ini difailkan oleh pihak plaintif, merupakan suatu permohonan secara substantif untuk mendapatkan suatu perintah *mandamus* dikeluarkan terhadap

defendan-defendan yang dinamakan di dalam tindakan ini. Kebenaran (leave) untuk suatu semakan kehakiman telah diperolehi pada tarikh 26 September 2008 sepertimana permohonan plaintif yang dikemukakan melalui kandungan (1).

[2] Permohonan di kandungan (7) ini adalah berbangkit dari suatu penghakiman yang diperolehi oleh pihak plaintif terhadap Pengarah Tanah dan Galian, Pulau Pinang pada tarikh 4 Oktober 2005 melalui Saman Pemula No. 24-151-2005. Lanjutan dari itu melalui proses taksiran gantirugi yang dilangsungkan di hadapan Timbalan Pendaftar pada 21 September 2007, gantirugi sejumlah RM29,356,271 telah ditaksir dan diawardkan kepada pihak plaintif, untuk dibayar oleh pihak defendan. Wajar dinyatakan di sini bahawa terhadap perintah taksiran oleh Timbalan Pendaftar tersebut, terdapat suatu Rayuan Kepada Hakim Dalam Kamar difailkan. Saya dimaklumkan oleh pihak-pihak bahawa rayuan tersebut telah difailkan dan bakal didengar pada tarikh 23 April 2009. Di samping itu terdapat juga suatu permohonan untuk "stay of execution" di failkan pada tarikh 5 Oktober 2007 terhadap keputusan Timbalan Pendaftar itu, tetapi permohonan tersebut telah ditolak. Suatu Rayuan juga telah difailkan terhadap penolakan tersebut dan ianya difailkan pada 9 Oktober 2007.

[3] Pihak plaintif di dalam penghujahan mereka menyatakan bahawa permohonan serta tuntutan mereka kepada pihak Kerajaan Negeri terhadap jumlah bayaran tersebut telah tidak diendahkan, dengan membuktikan rujukan kepada para 5 L afidavit di kandungan (3) – khususnya kepada eks. THJ '6'. Lantas permohonan untuk mendapatkan suatu sijil seperti diperuntukkan di bawah s. 33(3) Akta Prosiding Kerajaan 1956 (Akta) dikemukakan. Perintah keizinan Sijil tersebut telah dikeluarkan pada 12 Ogos 2008 dengan menyatakan jumlah bayaran sebenar diperintah, iaitu separuh dari RM29,356,271 sementara menunggu pelupusan rayuan di hadapan hakim – iaitu rayuan terhadap isu kuantum taksiran. Amaun yang dinyatakan sebagai perlu dibayar mengikut Sijil tersebut adalah RM14,678,135.50. Sijil tersebut telah diserahkan kepada pihak defendan-defendan pada 18 Ogos 2008.

[4] Dengan merujuk kepada keputusan suatu kes di Mahkamah Persekutuan – iaitu *Minister of Finance, Government of Sabah v. Petrojasa Sdn. Bhd.* [2008] 5 CLJ 321, dihujahkan bahawa apabila satu Sijil di bawah s. 33 Akta dikeluarkan, maka ianya menjadi suatu kewajipan bagi pihak defendan untuk menjelaskan bayarannya

seperti yang dicatitkan. Dihujahkan juga, tiada pilihan serta tiada kuasa budi-bicara diberikan di sini. Keperluan untuk membayar itu dikatakan merupakan sesuatu yang perlu dilakukan menurut kehendak statut dengan ianya adalah mengikat pihak Kerajaan Negeri. Kuasa mengeluarkan perintah *mandamus* ini dikatakan diperolehi melalui s. 25(2) yang dibaca bersama para 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Dihujahkan lanjut bahawa keingkaran menjelaskan bayaran tersebut oleh pihak defendan, telah menafikan hak plaintif seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

[5] Di pihak defendan pula, dihujahkan bahawa walaupun plaintif telah memperolehi penghakiman pada 21 September 2007 sebagai kerugian yang ditaksirkan sejumlah RM29,356,271, namun keputusan tersebut telah dirayukan kepada hakim yang mana ianya masih belum didengar dan diputuskan lagi. Dihujahkan di atas dasar ini, isu-isu yang dinyatakan oleh mereka di dalam afidavit jawapan adalah sebagai perkara yang masih belum diputuskan oleh mahkamah dan ianya masih belum menjadi muktamad lagi. Prinsip yang diputuskan di dalam kes *Ali Tan Sri Abdul Kadir & Ors. v. Simpang Empat Plantation Sdn. Bhd.* [2008] 5 CLJ 305 dijadikan sebagai panduan. Dinyatakan juga bahawa adalah menjadi dasar kerajaan, melalui Kementerian Kewangan bahawa sebarang pembayaran yang dikenakan terhadap kerajaan hanya boleh dilakukan setelah memperolehi perintah termeterai dari mahkamah serta tiada lagi wujud apa-apa prosiding yang masih 'pending' di mahkamah. Dihujahkan juga tentang kekhuatiran mereka terhadap keupayaan membayar balik jumlah wang oleh plaintif jika seandainya didapati rayuan defendan tersebut diizinkan oleh mahkamah dengan mengurangkan jumlah sebenar taksiran. Otoriti yang dirujuk terhadap isu ini sebagai menyokong hujahan mereka ialah kes *Kosma Palm Oil Mill Sdn. Bhd. & Ors. v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd.* [2003] 4 CLJ 1. Juga, dengan memetik keputusan yang dicapai di dalam kes *SV Beverages Holdings Sdn. Bhd. & Ors. v. Kickapoo (Malaysia) Sdn. Bhd*. [2008] 4 CLJ 20, dihujahkan bahawa mahkamah perlu menimbangkan kepentingan awam melebihi dari kepentingan individu. Dihujahkan agar permohonan ini wajar ditolak.

[6] Senario permohonan ini telah saya kaji secara telitinya. Kronologi kesnya juga telah saya ikuti sepertimana terdapat di dalam pliding kes ini. Hujahan oleh kedua-dua pihak peguam, sama ada di pihak peguam plaintif mahupun di pihak peguam defendan telah

saya teliti dan timbang sama, iaitu penghujahan bertulis serta penghujahan lisan beserta dengan otoriti berlampir. Kandungan setiap dokumen baik dalam bentuk afidavit mahupun eksibit telah turut saya teliti sama.

[7] Kedudukan undang-undang terutamanya perkara yang berhubung-kait dengan *mandamus* adalah jelas, iaitu kesan dari pengeluaran sesuatu perintah *mandamus* tersebut, setelah segala pra-syarat prosedur sebelumnya dipatuhi, menghendaki sesuatu pihak yang dimandamuskan itu perlu mematuhi apa jua tuntutan yang terakru seperti perintah yang dizahirkan melalui suatu sijil yang dikeluarkan di bawah s. 33(3) Akta. Dan di dalam kes *Minister of Finance, Government of Sabah v. Petrojasa Sdn. Bhd.* [2008] 5 CLJ 321, Mahkamah Persekutuan memutuskan ..., "... it is incumbent upon the court to give effect to such statutory duty and if necessary through the coercive force of the order of *mandamus*." Benar seperti yang dihujahkan oleh pihak plaintif bilamana dinyatakan bahawa kesannya berbentuk 'mandatory' dan tiada kuasa budi-bicara diberikan. Namun, jika diteliti kepada kesan dari pengeluaran sesuatu perintah *mandamus* itu, serta jika diteliti kepada peruntukan statut juga, dapat dilihat bahawa adalah menjadi niat Parlimen bahawa perintah *mandamus* hanyalah terpakai dan wajar diaplikasikan di dalam keadaan di mana sesuatu perkara itu telah menjadi suatu 'finality', 'Finality' di sini bermaksud segala 'avenue' Perundangan untuk setiap tahap prosiding kes telah dilalui dan di'exhaust' dengan sepenuhnya. Di dalam kes sebegini, maksudnya segala tahap rayuan baik di peringkat mana sekalipun, rayuannya telah didengar dan diputuskan dengan sepenuhnya. Adalah tidak menepati hasrat penggubal undang-undang (legislatures) untuk sesuatu perintah *mandamus* itu dikeluarkan di peringkat atau di tahap sesuatu kes itu masih belum dimuktamadkan lagi kerana dari segi 'rationale', keputusan yang dicapai di tahap itu yang masih membolehkannya dirayu, masih belum boleh dikatakan sebagai sesuatu yang muktamad lagi. Keputusan di peringkat rayuan mungkin merubah sesuatu keputusan yang dicapai di peringkat awal. Pengeluaran Sijil bertarikh 21 September 2007 itu adalah sesuatu yang berbentuk Pra-matang. Amaun yang tercatit di dalam sijil tersebut, walaupun ianya merupakan bayaran sebahagian dari award sebenar, bukanlah merupakan suatu amaun yang mutlak. Ianya mungkin bertambah atau mungkin berkurang. Atau mungkin terdapat lain-lain perintah lanjut diberikan. Ianya masih boleh dipertikaikan lagi dan terserah

kepada mahkamah yang mendengar rayuan itu kelak untuk menimbangkannya. Saya difahamkan yang rayuan terhadap taksiran itu telah ditetapkan untuk pendengarannya pada 24 April 2009. Sewajarnya sijil di bawah s. 33(3) Akta dipohon setelah rayuan tersebut dilupuskan. Eloklah kedudukan rayuan ditentukan terlebih dahulu.

[8] Namun demikian, demi menjaga keadilan kesemua pihak, melihat kepada kedudukan keseluruhan kes ini, apa yang dipertikaikan di sini adalah cuma dari segi kuantum taksiran sahaja. Isu liabilitinya tidak berbangkit lagi. Pihak peguamcara defendan menyatakan bahawa pihak beliau tidak mempunyai sebarang bantahan seandainya jumlah seperti yang tercatit di dalam sijil tersebut didepositkan ke mahkamah. Di atas prinsip keadilan untuk semua pihak, maka saya merasakan sewajarnyalah amaun tersebut didepositkan ke mahkamah ini sementara menunggu pelupusan rayuan itu kelak. Setidak-tidaknya melalui pendepositan jumlah RM14,678,135.50 tersebut, dapatlah memberikan suatu keyakinan kepada pihak plaintif akan pengharapan penerimaan bayaran gantirugi itu kelak, walau di atas amaun apa sekalipun. Lagipun, jumlah yang diawardkan dibayar mengikut Sijil tersebut hanyalah merupakan separuh dari bayaran sebenar. Sebarang bayaran penambahan jika ada, ataupun bayaran berbaki seandainya wujud selepas penentuan rayuan itu kelak, boleh dilakukan berdasar kepada amaun yang telah didepositkan itu. Lagipun bayaran terhadap gantirugi tetap perlu dilakukan. Cuma penentuan kuantumnya sahaja. Melalui pendepositan amaun itu ke mahkamah, ia akan memberikan suatu 'legitimate expectation' kepada pihak plaintif terhadap award yang bakal diterimanya. Pendepositan amaun ke mahkamah setidak-tidaknya meletakkan suatu keyakinan di pihak plaintif.

[9] Memandangkan kepada proses dan prosedur yang perlu diambil dan dilakukan oleh pihak peguamcara defendan bagi merealisasikan perintah mahkamah ini, maka tempoh masa dua bulan dari tarikh hari ini diberikan kepada pihak defendan untuk mendepositkan amaun RM14,678,135.50 tersebut ke mahkamah ini.

[10] Permohonan plaintif di Kandungan (7) ini dengan ini ditolak. Tiada perintah tentang kos diberikan.